

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB  
[ TANJONG MANIS ]**

**TARIKH : 11 JULAI 2019 [ KHAMIS ]**

**SOALAN NO. 79**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah mengawal kebakaran yang telah dirancang oleh Kementerian di kawasan Pulau Bruit memandangkan kawasan tersebut terletak agak jauh dari balai bomba di Bandar Baru Tanjong Manis yang berhampiran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, mulai 1 Jun 2019, kawasan Pulau Bruit mendapat perlindungan kebombaian dari Balai Bomba dan Penyelamat Daro dengan jarak perjalanan sejauh 15 kilometer. Pada masa yang sama kawasan ini juga mendapat bantuan daripada Balai Bomba dan Penyelamat Tanjung Manis dengan jarak perjalanan sejauh 40 kilometer.
2. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah menubuhkan sebuah Pasukan Bomba Sukarela di Pulau Bruit yang berupaya memendekkan masa bertindak (*response time*). Seramai 20 ahli Pasukan Bomba Sukarela sedang menjalani latihan pepadaman dan penyelamatan di bawah penyeliaan JBPM Negeri Sarawak.
3. Pasukan Bomba Sukarela akan dibekalkan dengan kelengkapan kebombaian seperti *Personal Protective Equipment* (PPE) pada tahun ini tertakluk kepada peruntukan semasa bagi membolehkan Pasukan Bomba Sukarela Pulau Bruit dapat beroperasi pada tahap yang optimum.

Sekian, terima kasih.